

29 MAY 2001

Kongres-Resolusi

KONGRES SAINS DAN TEKNOLOGI MELAYU TETAP RESOLUSI 16 PERKARA

SHAH ALAM, 29 Mei (Bernama) -- Kongres Kebangsaan Sains dan Teknologi Melayu yang berakhir hari ini menetapkan resolusi 16 perkara bagi menyediakan hala-tuju ke arah kecemerlangan orang Melayu dalam bidang sains dan teknologi.

Penasihat Kongres itu Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid menyerahkan resolusi itu kepada Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein semasa majlis penutup kongres dua hari itu di sini, hari ini.

Antara perkara-perkara yang terkandung dalam resolusi itu ialah polisi dan perancangan pembangunan sains dan teknologi mestilah memberi kebaikan kepada orang Melayu.

Kongres juga mencadangkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang sedia ada dipecahkan kepada Kementerian Sains dan Teknologi dan Kementerian Alam Sekitar, manakala Kementerian Sains dan Teknologi diterajui oleh Menteri Melayu.

Resolusi ketiga mencadangkan insentif bagi menggalakkan pelajar Melayu yang bijak untuk mengikuti kursus-kursus teknologi yang terkini.

Bagi menyatukan dan menggalakkan penyelidikan di kalangan para saintis Melayu, kongres juga mencadangkan penubuhan Akademi Sains Melayu.

Perkara lain dalam resolusi termasuklah menubuhkan jaringan dan pangkalan data melalui pembentukan kumpulan Badan Bukan Kerjaan (NGO) yang terdiri daripada profesional Melayu dalam sains dan teknologi.

Resolusi lain ialah mewujudkan Pusat Perniagaan Bersepadu untuk meningkatkan kemahiran daripada segi kepakaran dan perniagaan berasaskan teknologi tinggi di kalangan orang Melayu, dan mengadakan kem motivasi berasaskan sains dan teknologi kepada pelajar Melayu.

Menyentuh tentang resolusi itu Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno dalam sidang akhbar selepas itu menyambut baik resolusi itu dan akan melihat secara terperinci kandungannya untuk mengambil tindakan susulan.

Resolusi itu adalah hasil perbincangan dan perkongsian bijak antara penganjur kongres Pusat Penggalakan Keintelektualan dan Kemajuan Teknologi (CIPTA) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga pihak-pihak yang dijemput untuk membantu menyediakan agenda masa depan orang Melayu dalam bidang sains dan teknologi.

"Dengan penggembelengan tenaga CIPTA dan UiTM, ia dapat memacu usaha memperjelaskan betapa pentingnya sains dan teknologi sebagai bidang yang ramai orang Melayu seharusnya ceburi dan akan kecapi hasilnya apabila ramai yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini," katanya.

Beliau juga menyeru pihak swasta memperluaskan khidmat di samping menyediakan bantuan kewangan dan infrastruktur untuk melahirkan cerdik pandai Melayu dalam bidang sains dan teknologi.

Hishammuddin juga berkata beliau akan berusaha bersungguh-sungguh membawa resolusi ini ke peringkat lebih tinggi.

"Saya akan cuba menerapkan perkara-perkara dalam resolusi yang dianggap sesuai dalam Kementerian seperti Program Rakan Muda dan program Belia anjuran Pergerakan Pemuda," katanya.

Beliau juga berkata beliau akan cuba berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai resolusi ini untuk mendapatkan pandangan kedua-dua pemimpin negara ini.

"Saya juga akan menggunakan jaringan hubungan kerja dengan menteri-menteri lain untuk bertukar-tukar pendapat mengenai bagaimana

resolusi ini dapat digunakan," katanya.
-- BERNAMA
RIZ PR